

Sidang akhbar Dr. M. di
Segamat jam 9.30 malam tadi

Mahathir:

“Saya tidak menduga dilantik Timbalan PM”

SEGAMAT 5 Mac — Timbalan Perdana Menteri yang baru merangkap Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad berkata, perlantikan beliau selaku Timbalan Perdana Menteri adalah ‘memeranjatkan’ dan tidak diduga sama sekali.

Bagaimanapun beliau mensifatkan perlantikan itu sebagai satu penghormatan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn.

“Ini juga bermakna Datuk Hussein memberi kepercayaan kepada saya memikul tanggungjawab yang lebih besar lagi,” katanya.

Dr. Mahathir memberitahu demikian dalam satu sidang akhbar di rumah persinggahan di sini malam ini.

“Walaupun saya telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun saya tetap menumpukan sebanyak-banyaknya di bidang pelajaran dari lain-lain masalah.”

“Ini juga disebabkan saya belum tahu tugas-tugas yang perlu saya lakukan sebagai Timbalan Perdana Menteri, tapi saya percaya ianya untuk membantu tugas-tugas Perdana Menteri dan menjalankan tanggungjawab yang diberi,” ujarnya.

Dr. Mahathir menegaskan beliau bersedia untuk melakukan apa sahaja diminta oleh Perdana Menteri di samping menyalurkan idea-idea yang mungkin berguna kepada Perdana Menteri dan negara.

Menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan, Dr. Mahathir berkata beliau belum mempunyai rancangan-rancangan yang teratur bagi menjalankan tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri.

“Namun begitu saya mempunyai beberapa pendapat yang mungkin berguna dan akan mengutarakannya kelak,” jelasnya.

Beliau juga bersetuju dengan apa yang pernah disuarakan oleh Datuk Hussein bahawa perlantikan Timbalan Perdana Menteri itu kelak mungkin tidak mendapat sokongan 100 peratus dari semua pihak.

Oleh SHAMSUDDIN
ABU BAKAR

“Ini sememangnya sudah menjadi sebagai satu kebiasaan tetapi sokongan itu kemudiannya diberikan kepada seseorang pemimpin bila pemimpin itu dapat menghasilkan kerjanya dengan baik.”

“Saya juga percaya tidak seratus peratus tugas saya sebagai Menteri Pelajaran mendapat sokongan,” katanya.

Menyentuh tentang tiadanya Encik Ghafar Baba dalam penyusunan kabinet sebagaimana yang diumumkan oleh Datuk Hussein beliau berkata, ianya tidak ada sebarang kaitan dengan perasaan keciwa.